Mazhab Syafi'i	853
Kedudukan Selawat ke Atas Nabi dalam Bacaan Qunut	855
Mazhab Hanbali	856
Bacaan Qunut Sewaktu Menghadapi Kesusahan	858
7. SEMBAHYANG WITIR	859
Hukum Sembahyang Witir dan Bentuknya	859
Mereka yang Wajib Mengerjakan Sembahyang Witir Menurut Pendapat Imam Abu Hanifah	861
Bilangan Raka'at Sembahyang Witir dan Cara Melakukannya	862
Waktu bagi Sembahyang Witir	864
Bacaan dalam Sembahyang Witir	868

FIQH DAN PERUNDANGAN ISLAM JILID I

Bacaan Qunut dalam Sembahyang Witir	869
Zikir Selepas Sembahyang Witir	870
Bacaan Doa Selepas Sembahyang Witir	871
Bentuk Sembahyang Witir Rasulullah s.a.w.	871

PRAKATA

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. yang Maha Mengetahui; selawat dan salam ke atas Junjungan kita Sayidina Muhammad s.a.w., pembawa berita gembira dan pemberi amaran keras; begitu juga selawat dan salam ke atas anggota keluarga dan sahabat Baginda yang menjadi pemimpin, pembawa hidayah dan penyuluh kehidupan. Sesungguhnya Allah S.W.T. telah mengurniakan keredaan ke atas para imam yang mujahid daripada golongan *salaf* yang salih, terdiri daripada para sahabat, *tabi'īn* daripada generasi-generasi seterusnya yang mengikut jejak langkah mereka sehingga hari kemudian.

Sebenarnya, penyusunan kehidupan manusia dan masyarakat tidak sempurna, menurut pertimbangan keadilan Ilahi dan lojik manusia, tanpa berasaskan aqidah yang murni, akhlak yang utuh serta prinsip. Prinsip serta sistem yang menyeluruh yang dapat menentukan batas-batas dan peraturan bagi individu untuk menghadapi alam realiti dan ideal, bagi keluarga yang menjadi asas utama masyarakat dan untuk masyarakat yang lebih besar dalam sesebuah negara. Ini semua bertujuan supaya mereka dapat hidup dalam keadaan aman, tenteram dan maju, supaya terhindar daripada penyakit yang akan menyerang mereka dan terhindar daripada arus pemikiran jahat yang melanda dan sekaligus menghancurkan mereka sama ada berpuncak daripada kelemahan, keruntuhan dan kerosakan akhlak, atau oleh kemiskinan dan kebuluran, atau tekanan dan penindasan, kefoyaan dan penguasaan hawa nafsu atau kerana pengaruh kebendaan yang kuat yang menguasai semua aspek kehidupan mereka, seperti yang berlaku pada zaman kita ini.

Tidak ada jalan bagi menyelamatkan masyarakat daripada keruntuhan atau kehancuran, melainkan dengan cara mengadakan pembetulan yang tegas. Pembetulan secara tegas itu perlu untuk menghapuskan penyelewengan. Ia pasti dapat mengejutkan orang yang lalai dan dapat menyedarkan orang yang leka. Dengan itu, diharapkan supaya kepercayaan kepada

diri sendiri dapat dipulihkan; di samping dapat ditanam semangat tentang betapa pentingnya pembuktian kewujudan dan keberkesanannya diri. Tidak ada suatu pun yang dapat menandingi al-Qur'an dan Sunnah Nabi, yang merupakan sebenar-benar bahasa, setinggi-tinggi seruan dan seikhlas-ikhlas tujuan dalam memperbetulkan perjalanan hidup manusia. Firman Allah S.W.T.:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلّٰهِيَّ هِيَ أَقْوَمُ وَبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ
 الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كِبِيرًا . . . وَبِالْحَقِّ أَنْزَلْتُهُ وَبِالْحَقِّ نَزَّلْ وَمَا زَسْنَكَ
 إِلَّا مُبَشِّرًا وَنَذِيرًا ۖ ۱۵

سورة الإسراء ۱۷ : آية ۹ ، ۱۰

Terjemahan: Sesungguhnya al-Qur'an ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal salih bahawa mereka peroleh pahala yang besar. ... Dan dengan cara yang sungguh layak serta berhikmat Kami turunkan al-Qur'an, dan dengan meliputi segala kebenaran ia diturunkan; dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad), melainkan sebagai pemberita gembira (bagi orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang yang ingkar).

(Surah al-Isrā' 17:9, 105)

Setiap dakwah tidak akan kekal jika hanya setakat bersandar kepada kepercayaan dalaman dan semangat semata-mata. Sekiranya dakwah itu sentiasa memerlukan pengorbanan sebagai sebahagian daripada kewajipan dan sebagai tanda kebenaran imannya, ini disebabkan iman yang sebenar ialah apa yang tersemat di hati yang diperteguh dan dibawakan melalui perbuatan.

Fiqh Islam pernah menjadi kebanggaan dan mesti mendapat penghormatan di kalangan sistem undang-undang di dunia ini. Ianya merupakan sebaik-baik gambaran praktikal kepada orang Islam, iaitu berjaya memenuhi tuntutan manusia dalam semua aspek peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan perkataan, perbuatan dan tingkah laku. Ia mengatur peraturan hidup mereka. Melalui fiqh Islam ini, tersebarlah keunggulan dan kebenaran hukum-hukum al-Qur'an dan Sunnah Nabi. Dengannya terlaksanalah tujuan suci dan matlamat utama agama yang mulia ini, kerana apa juga prinsip yang dibawa oleh Islam sama ada aqidah yang benar, ibadah yang sempurna atau *mu'amalah* yang betul lagi lurus, pada hakikatnya, kesannya itu bertujuan melaksanakan matlamat pendidikan Islam yang berfungsi memperbetulkan urusan perhubungan dan pekerti mulia masyarakat. Fiqh dalam erti kata yang luas ialah mengenal diri dengan perkara-perkara yang patut dan wajar serta apa yang tidak patut dan tidak wajar. Fiqh dalam erti kata yang sempit termasuklah hukum-hukum syariah yang praktikal. Semua ini merupakan terjemahan yang lengkap dan tepat kepada syari'at Islam dan metodologinya, iaitu al-Qur'an tentang kehidupan.

Tidak syak lagi bahawa fiqh Islam sangat memerlukan corak penulisan baru dengan cara mempermudahkan perkataan yang digunakan, menyusun semula tajuk-tajuknya, menjelaskan tujuannya dan menghubungkan ijтиhad yang ada di dalamnya dengan sumber-sumbernya yang asal. Ini patut dilakukan supaya dapat memudahkan para pengkaji waktu merujuk dan diharapkan agar ia dapat diperguna dan dimanfaatkan dalam usaha mengkanunkan undang-undang yang kaya dan mahal harganya itu yang dihasilkan oleh para mujtahidin. Pembukaan atau *tagrin* itu hendaknya janganlah terikat dengan mazhab tertentu, kerana fiqh mazhab tidak mewakili fiqh syari'at keseluruhannya, biarpun fiqh mazhab itu adalah sebahagian daripada fiqh syari'at.

Alhamdulillah, usaha ke arah ini telah pun bermula. Usaha dan per-cubaan sewaktu menulis *Ensiklopedia Fiqh* telah dibuat di Syria, Mesir dan Kuwait. Walau bagaimanapun, usaha itu masih belum sempurna kerana usaha secara beramai-ramai seperti ini kadangkala mempunyai beberapa kekurangan dan kecacatan. Antaranya ialah lambat melahirkan hasil akibat daripada kesibukan dan berjauhan tempat tinggal dengan para petugas berkenaan.

Ahli-ahli fiqh berbeza pendapat dalam mentafsir dan menyelesaikan sesuatu kes atau persoalan, dan kita tidak tahu yang mana satukah antara pendapat-pendapat mereka itu yang benar dan laku kerana yang hak dan benar itu hanya satu; namun demikian, perbezaan pendapat ini tidaklah sampai menghalang kita untuk menerima pendapat ahli-ahli fiqh itu biarpun kita tidak berkemampuan membuat kepastian yang mana satu pendapat yang tepat kerana wahyu telah terputus dan Nabi Muhammad s.a.w. telah pun wafat. Dalam menghadapi keadaan ini, maka satu-satunya cara yang wajar dan jelas bagi kita ialah memiliki pendapat yang lebih *rājiḥ* berdasarkan alasan yang lebih jelas dan mantap. Jika masalah yang berkenaan itu tidak jelas kepada kita sedang kita tetap memerlukannya untuk mewujudkan undang-undang yang berdasarkan fiqh Islam, maka dalam kes seperti ini kita hendaklah mengambil pendapat dan tafsiran yang boleh wujud dan menjaga *maṣlaḥat* yang boleh menjaga perjalanan urusan hidup, bersesuaian dengan perubahan masa, bersesuaian dengan adat yang sihat, tidak bertentangan dengan syari'at dan serasi pula dengan matlamat umum dan tujuan jangka panjang prinsip-prinsip Islam, semangat dan matlamat syari'at keseluruhannya. Dengan cara ini, tujuan syari'at akan tercapai dan sekaligus kepentingan manusia dapat dijaga. Cara ini akan dapat mengelakkan pelaksanaan syari'at dan dalam waktu yang sama ia tidak akan menimbulkan sesuatu yang bercanggah dengan asas umum syari'at atau hukum syari'at yang ditetapkan oleh nas-nas syara'. Kita perlu ingat bahawa penerimaan nas-nas syara' bukan bererti melalui percanggahan pelaksanaan maksud nas-nas tersebut, tetapi dengan cara mengkhusus, menganalisa dan berijtihad untuk memahaminya. Kita telah melihat yang ahli perundangan Islam mengkhususkan nas dengan '*uruf*' dan menetapkan hukum berdasarkan adat.

Semua apa yang kita sebutkan ini akan hanya sempurna berdasarkan pandangan Islam secara menyeluruh dan sempurna bukan dengan cara mementingkan sifat-sifat luaran yang mengabaikan asas dan kandungannya yang hakiki, bukan mengadakan undang-undang dan sistem Islam, tetapi terputus daripada asas dan dasar hukum Islam dalam bidang-bidang lain. Misalnya, memberi perhatian kepada pelaksanaan undang-undang jenayah Islam atau undang undang *hudud* sedang sistem pendidikan, pelajaran, kemasyarakatan, ekonomi dan cara hidup semuanya tidak Islam, yakni diimport dan dipaksakan ke atas masyarakat Islam.

Saya tetap percaya bahawa masa depan adalah untuk Islam; fiqh dan syari'atnya, biarpun terdapat segolongan manusia yang berusaha menggagalkan rancangan atau usaha untuk memanfaatkan sistem Islam melalui undang-undang ciptaan manusia yang diimport. Saya sentiasa berusaha dan berhati-hati dalam menjelaskan hukum-hukum fiqh ini, kerana saya percaya bahawa usaha untuk menggagalkannya hanyalah satu reaksi sementara. Usaha itu tidak mempunyai asas yang kukuh dan tidak mendapat penghormatan dalam pemikiran kaum Muslimin. Ini dapat dibuktikan dengan lahirnya kesedaran yang nampak jelas sudah bermula sejak awal kurun ke-15H., iaitu kesedaran ingin kembali melaksanakan syari'at Islam dalam segenap bidang. Penubuhan jawatankuasa berbentuk ilmiah ditubuhkan khusus untuk melaksanakan keputusan para menteri luar negara-negara Arab, iaitu keputusan untuk mengubah undang-undang baru yang seragam berdasarkan syari'at Islam di dalam dua bidang, iaitu sivil dan jenayah.

METODOLOGI PENULISAN KITABINI

Terdapat beberapa keistimewaan yang boleh ditunjukkan dalam penulisan kitab fiqh ini kerana ia ditulis dalam bentuk baru daripada segi penulisan, pembahagian bab, susunan, senarai, isi dan cara berdalil (berhujah). Ini dapat dijelaskan seperti berikut:-

Pertama, ia merupakan sebuah kitab fiqh yang bersandarkan dalil yang sahih yang diambil daripada al-Qur'an, Sunnah dan pandangan yang lojik bukan semata-mata fiqh Sunnah dan fiqh *al-Ra'yu*, tetapi lebih daripada itu kerana usaha mujtahid tidak diambil kira kecuali bersandarkan kepada al-Qur'an dan Sunnah.

Mengetahui hukum syara' di bidang fiqh tanpa dalil dan hujah tidak akan menimbulkan kepuasan fikiran dan kenikmatan jiwa serta tidak akan melahirkan ketenangan kepada mereka yang berilmu dan orang yang menuntut ilmu. Dengan kata lain, ilmu yang disertarkan dengan dalil akan mengeluarkan seseorang daripada ikatan *taqlid* buta yang dicela oleh al-Qur'an kepada ikutan dalam keadaan sedar dan mengetahui seperti yang disyaratkan oleh imam-imam yang kita terima ilmu pengetahuan daripada mereka. Selain itu, dalil dan hujah merupakan roh kepada fiqh. Mempe-

lajarinya adalah menjadi latihan dan pendidikan akal serta dapat memupuk bakat orang yang mempunyai ilmu di bidang ini.

Ringkasnya, kitab ini adalah sebuah kitab fiqh yang memuatkan pelbagai pendapat mazhab dengan sandarannya sekali yang dipetik daripada berbagai sumber perundangan Islam sama ada *naqliyyah* atau *'aqliyyah* (*al-Kitab*, *Sunnah* dan *Ijtihad* yang berpegang kepada roh perundangan yang asal).

Sesiapa yang menghadkan fiqh Islam semata-mata berdasarkan al-Qur'an, sebenarnya ia telah merosak atau menghancurkan Islam daripada akar umbinya. Perbuatan itu adalah perbuatan musuh agama. Begitu juga menyempitkan fiqh berdasarkan Sunnah sahaja, sesungguhnya ia menyempit dan merosakkannya. Dengan penyempitan itu, ia mengabaikan sebahagian daripada urusan kehidupan dan menjadikan fiqh tidak sesuai dengan tuntutan manusia dan tidak dapat menyempurnakan kepentingan mereka. Sebagaimana dimaklumi, di mana sahaja terdapat *ma'slahah* (kebaikan), maka di sana ada syari'at Allah dan agamanya.

Para pemimpin aliran al-Hadith (Malik, al-Syafi'i dan Ahmad) telah menerima kaedah hukum *al-masālih*, *al-mursalah*, *'uruf* dan *'adat*, *sadd al-dharā'i* dan lain-lain lagi sebagai dalil untuk berijtihad dengan *al-ra'yū*. Demikianlah juga dengan pemimpin aliran *al-ra'yū* seperti (al-Nakhai'i, Rabiah al-Ra'yī, Abi Hanifah dan sahabat-sahabatnya) tidak pernah mengabaikan Sunnah atau *athar* atau *ijtihad* yang dilaksanakan oleh para ulama' *salaf*.

Kedua, ia bukan kitab fiqh mazhab yang terhad malah sebuah kitab fiqh perbandingan antara empat mazhab (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali) dan adakalanya perbandingan meluas kepada mazhab-mazhab lain juga. Ini dilakukan dengan sandaran-sandaran terperinci daripada tulisan yang berautoriti dalam mazhab-mazhab tersebut, iaitu setelah dikenal pasti kejituannya. Satu hal harus dimaklumkan bahawa memindahkan hukum sesuatu mazhab daripada kitab mazhab-mazhab lain tidak akan sunyi daripada kesalahan, khasnya dalam menerangkan pendapat-pendapat *rājiḥ* yang diterima oleh mazhab-mazhab tersebut. Penulis telah mengesan contoh-contoh kesalahan seperti ini. Sungguhpun demikian, penulis lebih suka tidak menonjolkannya kerana tujuan penulis ialah memelihara sifat objektif dan sikap positif yang penulis putuskan, juga supaya dapat dijauhkan tafsiran yang keterlaluan dan fanatik sempit terhadap sesuatu mazhab; di samping untuk menjauhkan sikap mengagung-agungkan sebahagian kitab fiqh secara berlebih-lebihan. Cara kajian dan penerangan seperti ini dalam fiqh mazhab empat telah mendapat sambutan hangat dan menarik minat pembaca untuk dimanfaatkan. Cara ini amat selari dengan kecenderungan sangat dalam kajian perbandingan. Di samping itu, ia juga boleh mengurang dan menghapuskan kefanatikan bermazhab. Penulis sentiasa cuba membuat penumpuan kepada kesatuan pendapat antara ulama' fiqh daripada berbagai mazhab, bukan sekadar hendak memperbanyakkan tajuk-tajuk hukum.

Ketiga, ketelitian dalam menjelaskan kesahihan Hadith, dalam mentakhrīj dan mentahqīq Hadith yang dijadikan dalil oleh *fuqahā'* hingga jelas kepada pembaca yang cara dan jalan itu adalah betul, lalu dipilih (diambil) pendapat yang sah dalilnya dan sebaliknya ditinggalkan semua pendapat yang bersandarkan Hadith da'if. Oleh itu, jika penulis tidak menyebut tentang da'ifnya sesuatu Hadith bermakna ia diterima.

Keempat, ia memuatkan pelbagai hukum fiqh yang asas. Juga membuat pertimbangan tentang persoalan-persoalan fiqh dalam setiap mazhab dengan cara perbandingan dengan mazhab yang lain, hingga terhasil titik pertemuan antara pendapat yang berbeza yang membolehkan para pengkaji memperolehi hukum yang dikehendakinya dalam mana-mana mazhab yang ia suka, di samping mempertemukan masalah-masalah cabang setiap mazhab dengan mazhab yang lain melalui perbandingan. Walaupun usaha ini sulit, ia pasti dapat memenuhi matlamat para pembaca.

Kelima, kitab ini memberi penumpuan sudut amali. Persoalan-persoalan andaian yang tidak menjejak kenyataan adalah dielakkan. Persoalan yang berhubung dengan perhambaan ditinggalkan kerana masalah ini tidak diperlukan lagi setelah sistem perhambaan dihapuskan di dunia ini. Kalaupun persoalan tentang hamba ini disebutkan juga dalam kitab ini, ia hanya setakat mengupas daripada pelekat untuk menyatakan kesempurnaan fiqh.

Keenam, kadang-kadang penulis menjelaskan sesetengah pendapat kerana ia lebih jelas betulnya kepada penulis. Khususnya jika pendapat tersebut berlawanan dengan da'if, atau apabila penulis mendapati sesuatu pendapat dalam mazhab lain yang dapat melaksanakan *maslahat* atau dapat menolak kerosakan dan kemudaratan.

Jika saya tidak menegaskan yang mana antara pendapat tersebut saya *tarjih*kan, maka yang lebih utama untuk diamalkan ialah pendapat kebanyak ulama' ataupun *jumhūr* kerana pendapat terbanyak ulama' ini lah yang menghasilkan *tarjih* (penjelasan). Oleh itu, hendaklah diutamakan pendapat mereka kecuali jika tidak sesuai dengan keadaan hidup keagamaan dewasa ini ataupun tidak ada suatu pendapat yang lebih *rājiḥ* (jelas) daripada pendapat lain di kalangan mujtahid.

Harus bertaqlid kepada semua mazhab, walaupun ini akan menyebabkan berlakunya *talfiq*,¹ ketika darurat, keperluan, tidak mampu dan uzur. Ini boleh dilakukan kerana menurut pendapat yang sah dalam mazhab Maliki dan juga pendapat sekumpulan ulama' Hanafi mereka mengharuskannya. Begitu juga harus mengambil mazhab yang mudah ataupun menggunakan *rukhsah* (keringanan)² jika keadaan memerlukan atau kerana sesuatu *maslahat*, kerana agama Allah adalah mudah dan tidak susah. Sesungguhnya pendapat yang mengharuskan *talfiq* adalah bertujuan memberikan kemudahan kepada manusia. Firman Allah S.W.T.:

... لَيْرِدَ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِدُ بِكُمُ الْعُسْرَ . . .

سورة البقرة ٢ : آية ١٨٥

Terjemahan: ... (Dengan ketetapan yang demikian itu), Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran

(Surah al-Baqarah 2:185)

Dalam ayat yang lain, Allah S.W.T. berfirman:

... وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ . . .

سورة الحج ٢٢ : آية ٧٨

Terjemahan: ... Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung suatu keberatan susah payah dalam perkara agama

(Surah al-Hajj 22:78)

Dalam ayat yang lain Allah S.W.T. berfirman lagi:

لَيْرِدَ اللَّهُ أَنْ يُخْفِقَ عَنْكُمْ وَهُلْقَ أَلِإِنْسَنُ ضَعِيفًا

سورة النساء ٤ : آية ٢٨

Terjemahan: Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) ke atas kamu kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

(Surah al-Nisā' 4:28)

Walaupun demikian, tidak harus mencari *rukhsah* dengan tujuan yang sia-sia atau untuk memuaskan hawa nafsu sendiri seperti seseorang itu memilih pendapat daripada mana-mana mazhab yang ringan tanpa sebarang keperluan atau keuzuran. Tegahan ini adalah bertujuan menutup pintu kerosakan kerana boleh meruntuhkan kewajipan syara'. Bertalfiq tidak diharuskan jika membawa kepada pembatalan hukum yang dikeluaran oleh pemerintah, kerana hukumannya bertujuan untuk menghindarkan perselisihan dan huru-hara. Tidak boleh bertalfiq dalam kes yang boleh membawa seseorang itu membantalkan perbuatan yang telah dilakukannya berdasarkan *taqlid*. Demikian juga tidak boleh bertalfiq jika ia diterima ramai (*ijma'*) atau akan menyebabkan perbuatan yang dilarang oleh syara' seperti mengahwini perempuan tanpa wali, tanpa mas kahwin dan tanpa saksi atas alasan bertaqlid dengan semua mazhab sedangkan tidak ada sesiapa pun (mazhab) yang akan mengeluarkan pendapat seperti itu.

Ketujuh, penulisannya dilakukan dengan cara mudah. Ayat-ayatnya senang dan diperjelas faktanya dengan misalan-misalan, susunannya mudah difahami oleh generasi sekarang, dipastikan pendapat yang *rājīḥ* (kuat)

dalam setiap mazhab dan diletakkan kaedah-kaedah umum untuk memudahkan pemahaman tentang hukum dengan lebih teratur, tidak putus, tidak berselang-seli atau bertaburan. Sedangkan sebelum ini, masalah-masalah fiqh susah difahami kerana cara penulisannya yang terasing, susah ditanggapi hingga golongan yang mendalami ilmu fiqh secara khusus pun menghadapi kesusahan untuk mengenal pasti hukum-hukum fiqh tertentu yang hanya terdapat di celah-celah masalah yang banyak lagi bersimpang-siur itu.

Adakalanya diperlukan usaha yang bersungguh dan masa yang lama untuk mengulangkaji sesuatu bab fiqh atau terpaksa menggunakan lebih daripada sebuah kitab. Dengan pembaharuan penulisan fiqh ini, tidak ada lagi sebab bagi sesiapa pun cuba mencari alasan untuk lari daripada hukum-hukum fiqh Islam kerana kesamarannya dan halangan yang menimbulkan keraguan telah dihapuskan. Manakala bahasa dan cara penulisan yang berbelit-belit dan menimbulkan kesulitan itu telah dipermudahkan.

Kelapan, penulis telah cuba mengkaji persoalan baru supaya manusia boleh menggunakan dalam kehidupan mereka dengan mengambil ilham daripada kaedah sejarah, prinsip dan keputusan *fiqahā'*. Dengan demikian, pintu akan terbuka luas untuk kajian dan ijtiad yang lebih banyak dalam persoalan-persoalan cabang, kerana kelebihan dan limpah kurnia Allah tidak putus dan anugerah-Nya tidak terhitung yang sentiasa ada pada setiap zaman dan kepada setiap generasi.

Perkara yang menjadi panduan penulis buat selama-lamanya ialah firman Allah S.W.T.:

... إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الظَّالِمُونَ ...

سورة فاطر : ٢٥ آية ٢٨

Terjemahan: ... Sebenarnya, yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah daripada kalangan para hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu

(Surah Fātir 35:28)

dan firman-Nya:

وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ...

سورة ط : ٢٠ آية ١١٤

Terjemahan: ... Dan berdoalah dengan berkata, "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmu"

(Surah Tāhā 20:114)

Juga sabda Rasulullah s.a.w. seperti yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim:

من يرد لله به خيراً، يفقهه في الدين.

Terjemahan: *Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. untuk kebaikannya akan diberikan kefahaman dalam agama.*

Begitu juga Hadith lain yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari:

رب مبلغ اوعى من سامع.

Terjemahan: *Banyak orang yang disampaikan kepadanya lebih sedar daripada orang yang mendengar.*

Walaupun usaha ini memerlukan tenaga yang besar, kesabaran, ketekunan serta kerjasama segolongan ulama', penulis tetap berazam dan bertekad untuk menulis kitab ini dengan memohon pertolongan daripada Allah S.W.T. untuk memperdekatkan ilmu fiqh kepada manusia, sama ada mereka itu golongan ulama' ataupun golongan yang menuntut ilmu, tanpa fanatik kepada sesuatu mazhab tertentu. Ini penulis lakukan kerana penulis sedar yang hikmah itu adalah harta orang Mu'min yang hilang di mana sahaja dia menemuiinya dia dapat mengambilnya kembali. Juga kerana ingin memberikan sumbangan untuk kemajuan ilmu pengetahuan. Mengembang ilmu adalah menjadi tugas atau kewajipan ulama' kerana ilmu itu akan berkembang apabila ia ditaburkan, seperti yang ditegaskan oleh Sayidina Ali, terutama dalam bidang yang memerlukan penyelidikan, penelitian dan pengkajian yang mendalam. Para ulama' mesti menerangkan yang mana *rājīh* dari segi dalil dan mazhab dan semoga semua ini memberi manfaat dan penulis mengharapkan pahala Allah S.W.T. sesudah penulis mati (di atas usaha ini).

Rasulullah s.a.w. telah bersabda seperti yang diriwayatkan oleh al Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad*, Muslim dan pengarang-pengarang kitab Sunnah yang lain selain Ibn Majah di mana mereka meriwayatkan daripada Abi Hurairah:

ذَا ماتَ الْإِنْسَانُ نَقْطَعَ عَمَلُهُ، إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَهُ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يَنْتَفَعُ بِهِ، وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ.

Terjemahan: *Jika seseorang itu mati, maka terputuslah amalaninya, melainkan tiga perkara; sedekah jariah, atau ilmu yang mendatangkan manfaat atau anak yang salih yang berdoa untuknya.³*

Ibn Umar berkata, "Majlis fiqh adalah lebih baik daripada beribadat 60 tahun." Semoga Allah S.W.T. memberi balasan baik kepada ayah saya yang telah mendorongkan penulis mencintai ilmu ini. Demikianlah juga penulis berdoa, semoga Allah S.W.T. memberikan balasan baik-Nya kepada para guru penulis di al-Azhar dan Syria atas budi baik mereka kepada penulis.

Jika dalam tulisan penulis ini penulis dapat menepati sasaran yang

diharapkan, maka itu adalah daripada kelebihan Allah S.W.T. Penulis tidak mendakwa dirinya sempurna dan tidak salah. Penulis juga tidak mendakwa bahawa dirinya mengetahui dan menguasai setiap perkara dalam fiqh, kerana yang demikian merupakan sifat Allah semata-mata. Terlebih dahulu penulis mengaku bahawa dirinya lemah dan tidak sempurna. Allah S.W.T. berfirman:

وَمَا أُوتِيْشَ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قِلِيلًا ﴿٨٥﴾

سورة الاسراء ١٧ : ية ٨٥

Terjemahan: ... dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan, melainkan sedikit sahaja.

(Surah al-Isrā' 17:85)

Sesungguhnya usaha ini tidak lebih daripada percubaan untuk menjelaskan, menyusun dan memperdekatkan fiqh kepada manusia dan untuk dibuat perbandingan hukum-hukumnya antara mazhab yang empat dan lainnya. Allah S.W.T. jualah yang memberikan taufiq-Nya.

"Tuhanku, kurniakanlah kepadaku kebijaksanaan dan kumpulkanlah aku bersama-sama golongan orang yang salih. Berikanlah kepadaku lidah yang benar secara berterusan dan jadikanlah aku sebagai pewaris syurga yang penuh nikmat."

NOTA

- 1 *Talfiq* ertinya mengambil fatwa dan hukum daripada pelbagai mazhab.
- 2 Mengikut *rukhsah* ertinya memilih hukum yang lebih mudah dalam pelbagai mazhab yang ada.
- 3 Tetapi al-Suyuti meletakkan simbol tanda Hadith itu da'if.

**KATA PENGANTAR
YANG DIPERTUA
YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI
ISLAM MALAYSIA (YPEIM)**

Assalamualaikum wr. wb.

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana usaha menterjemahkan Kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* karangan Dr. Wahbah al-Zuhaili ke Bahasa Melayu telah dapat dilaksanakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama daripada Panel Penterjemah dari Universiti tempatan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. YPEIM merasa bertuah kerana diberi peluang menjayakan projek ini melalui bantuan kewangan untuk membiayai kos penterjemahan dan penyuntingan manuskrip buku ini.

Dengan terbitnya karya besar dalam bidang perundangan atau fiqh secara yang mendalam melalui penerbitan buku ini mudah-mudahan buku ini akan menjadi khazanah ilmu yang tidak ternilai harganya kepada pembaca dan umat Melayu rantau ini sepanjang zaman. Bantuan yang disumbangkan untuk projek ini juga diharapkan menjadi amal jariah bagi para dermawan yang mendermakan kepada YPEIM. Semoga Allah mem berkati segala usaha dan amalan yang kita laksanakan.

Sekian, wassalam.

Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi
Yang Dipertua
Yayasan Pembangunan Ekonomi
Islam Malaysia (YPEIM)
1994

KATA PENGANTAR KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Al-Hamduli'lLah al-lazi 'allamana bi'l-qalam, 'allama'l-insana malam ya'lam,
wassalatu wa's-salamu'ala asyrafi'l-anam, Muhamadin Sallal'Lah 'alaihi
wassallam wa 'ala alihī wa ashabihi al-Kiram.

Dewan Bahasa dan Pustaka amat perihatın terhadap pembinaan budaya ilmu, terutamanya ilmu dalam bidang agama yang menjadi tunjang bagi kekuatan umat Islam di Malaysia khususnya. Oleh itu, Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) berusaha menerbitkan buku ini, walaupun proses penerbitannya agak rumit dan mengambil masa yang agak lama.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Dipertua YPEIM dan pengarahanya kerana kesediaan YPEIM membiayai penterjemahan buku ini. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan bagi membangun semula tamadun keilmuan Islam di rantau ini. Dalam menjayakan projek ini Dewan amat berhutang budi kepada panel penterjemah dan penyunting buku ini iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbari Salamon, Prof. Madya Dr. Mat Saad Abdul Rahman, Us. Mat Akhir Hj. Yaacob, Tuan Syed Ahmad Syed Hussain, Us. Alwi Abdul Rahman, Us. Ahmad Haji Bakar, Us. Azizan Abdul Razak, Prof. Datuk Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, Dr. Ahmad Kamaruddin Hj. Hamzah dan Us. Abdullah Abu Bakar.

Dewan juga menghargai sumbangan Dr. Abdullah Hj. Ibrahim, Us. Ismail Mahmood, En. Nazri Ahmad, Dr. Wahab Md. Salleh, En. Mohd. Shukari Hj. Hamzah, Dr. Mohd. Nor Ngah, Us. Mohd. Suhaimi bin Jairi, Us. Hasan Ahmad, En. Mustafa Kassim serta kakitangan Cahaya Pantai (M) Sdn. Bhd. dan pengurus projek ini, Wan Abd. Hamid Wan Teh dalam usaha penterjemahan, penyuntingan dan proses penerbitan buku ini.

Semoga Allah memberkati usaha mereka.

Ketua Pengarah,
Dewan Bahasa Pustaka.

